

Skandal Pemimpin berintegriti pasti lepaskan jawatan

Utusan Online

16 APRIL 2013

KUANTAN 15 April - Pemimpin berintegriti pasti akan mengambil tindakan melepaskan jawatan dengan rasa penuh tanggungjawab sekiranya terlibat dalam skandal yang boleh menjejaskan nama baik mereka dan parti.

Tokoh Akademik, Profesor Datuk Dr. Sidek Baba berkata, jika tidak mereka yang melakukan kesalahan akan tetap tidak mengakuinya biarpun terdapat bukti jelas, sedangkan dalam Islam amat menekankan soal tersebut kerana Allah Maha Mengetahui.

"Sekiranya pemimpin berkenaan mengaku dia tidak buat salah, sedangkan hakikatnya dia buat salah, orang tak tahu tetapi pemimpin berkenaan harus ingat bahawa Allah Maha Mengetahui.

"Ini soal integriti. Sebagai contoh seorang pemimpin di Singapura melepaskan jawatan selepas terlibat dengan skandal seks sebab beliau rasa bertanggungjawab dengan apa yang dilakukan.

"Di Malaysia, Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek cukup 'gentlemen' kerana sanggup berundur apabila berhadapan isu sama kerana baginya bukan soal dipilih atau tidak, itu pilihan rakyat. Ini soal integriti," katanya kepada pemberita selepas hadir pada Program Profesor Bersama Masyarakat di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis yang dihadiri kira-kira 500 pegawai kanan dan penjawat awam ialah Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Sementara itu, katanya, mana-mana pemimpin yang dikaitkan dengan sesuatu tuduhan wajar melafazkan sumpah menafikan mereka terlibat kerana kaedah itu meyakinkan orang ramai seperti mana dipersetujui sebahagian ulama.

"Tindakan sumpah tersebut pasti akan meyakinkan masyarakat terutama pengikut mana-mana pemimpin yang dikaitkan dengan skandal seks.

"Bagaimanapun, terdapat pemimpin beragama Islam enggan melakukan sumpah sebaliknya menyerahkan kepada peguam masing-masing untuk bertindak.

"Ini tidak adil kerana bukan sahaja tidak mengaku tetapi bertindak menyaman surat khabar agar masyarakat berhenti daripada bercakap isu berkenaan," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130416/po_04/Skandal-Pemimpin-berintegriti-pasti-lepaskan-jawatan#ixzz2ZzBJE2Kh

© Utusan Melayu (M) Bhd